



# BULETIN CASSIA



Bil : 1/2021 (Januari-Jun) Edaran Percuma

www.mdkampar.gov.my



## **TAHNIAH KUMPULAN MIND POWER PROJEK CAR PRO LINE (PENYEDIAAN GARISAN TEMPAT LETAK KERETA)**

### **TEMPAT KEDUA KATEGORI MAJLIS DAERAH PERTANDINGAN INOVASI PIALA YB MENTERI KPKT (MALA)**

**PIALA INOVASI YB MENTERI KPKT**

KATEGORI MAJLIS DAERAH	KEJUJURAN / TEMPAT	NAMA PBT DAN PROJEK INOVASI	HADIAH
KATEGORI MAJLIS DAERAH	PERTAMA	MAJLIS DAERAH MARANG Smart Bucket Backhoe (SBB)	WANG TUNAI RM 4,000.00
	KEDUA	MAJLIS DAERAH KAMPAR Car Pio Line	WANG TUNAI RM 2,000.00
	KETIGA	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR Li-Cutter	WANG TUNAI RM 1,000.00
	KE - 4	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR Sistem Lampu Pejabat	WANG TUNAI RM 500.00
	KE - 5	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM Gate Lock Anti Sabotaj	WANG TUNAI RM 500.00

# PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KAMPAR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh dan Salam Senyuman*

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurnia dan keizinanNya, Buletin Cassia Bil. 1/2021 (Januari-Jun) telah dapat diterbitkan dengan jayanya. Justeru, saya mengucapkan tahniah kepada pasukan Sidang Redaksi Cassia yang bertungkus lumus menerbitkan buletin ini sebagai rujukan pencapaian, aktiviti dan perkhidmatan organisasi agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pembaca.

Merenung sejenak, tiada siapa pernah menduga tahun 2020 berlalu pantas meninggalkan kita dengan pelbagai cabaran dan pengalaman pahit dan manis impak daripada pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia khususnya kepada tanah air tercinta. Namun begitu, segalanya telah menjadi sejarah dan cabaran yang lalu perlu dijadikan sebagai pedoman untuk terus bergerak maju menempuhi lembaran tahun 2021.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua warga kerja Majlis Daerah Kampar yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan demi kejayaan yang telah diperolehi sepanjang setengah tahun pertama 2021. Kejayaan memenangi tempat ke-2 bagi Pertandingan Piala Inovasi YB Menteri KPKT anjuran Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) menjadi bukti bahawa Majlis Daerah Kampar ditunjangi dengan budaya kerja inovasi dan kreativiti.

Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar segala informasi yang telah dimuatkan dalam buletin ini mampu bertindak sebagai saluran komunikasi yang dapat memudahkan pembaca untuk memperolehi maklumat sekaligus menaikkan imej dan reputasi organisasi.

Sekian, terima kasih.

Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh

**Abdul Halim Bin Saad, AMP**  
Yang Dipertua MDKpr



*"Terus melangkah ke hadapan"*

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Tn. Abdul Halim bin Saad, AMP.

### PENASIHAT

Pn. Siti Azura binti Hj. Juki, AMP.

### KETUA EDITOR

Pn. Khumaizah binti Aziz

### PEREKA GRAFIK

Nur Azura binti Russ Soli

## WARTAWAN

1) TPr Muhamad Hisham bin Hashim

2) Rozzilla binti Mohamad Som

3) Mohd Salim bin Saleh

4) Nor Syazana binti Amrah@Omrah

5) Mahfuzah binti Mokhtar

6) Izham bin Barahim

7) Izham bin Ahmad

8) Muhamad Syarafi bin Mohd Said

9) Muhammad Zulhelmi bin Mohd Salji

10) Ahmad Faizal bin Baharom

11) Hamishah binti Ahamed

12) Hafiza binti Makri

13) Nurul Fahana binti Md Bakri

## MEDIA CASSIA

1) Mohd Syukri bin Wazirrudin

2) Alif Syairazi bin Mohd Sopian

3) Faridzul Arif bin Mohd Hashim

4) Mohd Hizam bin Radzuan

# CABUTAN BERTUAH *Cukai Taksiran*

Majlis Cabutan Bertuah Cukai Taksiran 2021 MDKpr telah diadakan pada 20 April 2021 di Bilik Mesyuarat Cassia Biflora diketuai oleh Tuan Abdul Halim Bin Saad, AMP, bersama Puan Siti Azura Binti Haji Juki, AMP, dan Ahli-Ahli Majlis MDKpr dengan disaksikan semua Ketua Jabatan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2021. Sebanyak 13,200 penyertaan cabutan bertuah telah diterima oleh MDKpr sehingga tarikh tutup pada 31 Mac 2021.

Majlis Penyampaian Hadiah Utama Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Tahun 2021 Majlis Daerah Kampar telah diadakan pada 30 April 2021 di Auditorium MDKpr. Tuan Abdul Halim Bin Saad, AMP, Yang Dipertua MDKpr telah mencabut 20 slip cukai taksiran dengan diiringi Puan Siti Azura Binti Haji Juki, AMP, Setiausaha MDKpr. Ia turut dihadiri oleh Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan pihak media. Program Cabutan Bertuah Cukai Taksiran ini baharu diperkenalkan pada tahun ini dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Pemberian hadiah-hadiah hebat dalam program cabutan bertuah ini adalah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih MDKpr kepada semua pembayar cukai yang melaksanakan tanggungjawab mereka. Para pemenang adalah terdiri daripada mereka yang sangat bertuah dan merupakan Good Pay Master kepada MDKpr dengan membuat pembayaran penuh cukai taksiran.



Pada tahun ini, pihak Majlis telah menawarkan hadiah-hadiah yang menarik berupa 2 buah motosikal, sebuah basikal, sebuah peti sejuk, sebuah mesin basuh, 2 buah TV, 3 buah telefon bimbit dan barangan elektrik yang lain untuk dimenangi oleh warga Daerah Kampar yang bertuah serta 130 hadiah saguhati. Pada 20 April 2021, MDKpr telah melaksanakan 150 cabutan bertuah bagi mengetahui warga Daerah Kampar yang berjaya menjadi pemenang. MDKpr mengadakan cabutan khas sekali lagi sebanyak 20 cabutan bagi menentukan pemilik hadiah utama yang ditawarkan. Semoga sokongan padu yang berterusan daripada warga Daerah Kampar kepada Majlis dengan melaksanakan tanggungjawab membuat pembayaran cukai taksiran ini akan merealisasikan hasrat Majlis Daerah Kampar untuk menjadi Kawasan Perbandaran Kampar yang Progresif dan Sejahtera Menjelang Tahun 2025. Syabas dan tahniah sekali lagi diucapkan kepada semua Pemenang Hadiah Utama Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Tahun 2021.



# PROGRAM K.A.M.I



Program K.A.M.I (Kerja Amal Membantu Insan) ialah kerja amal yang bertujuan membantu insan yang terkesan akibat Pandemik Covid-19. Urusetia program ini adalah di bawah Unit Perhubungan Korporat & Hal Ehwal Komuniti MDKpr dengan kerjasama Pejabat Yang Dipertua, Unit Audit Dalam, Koperasi Anggota MDKS Berhad, Kelab Sukan MDKpr dan Badan Kebajikan MDKpr. Penerima adalah terdiri daripada anggota MDKpr seramai 35 orang dan 104 orang pelajar Sekolah Rendah di 13 buah sekolah sekitar Daerah Kampar (Kampar, Gopeng, Malim Nawar dan Mambang Diawan) dengan kerjasama bersama Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Selatan. Sumbangan yang diberi adalah berbentuk barangan keperluan harian yang turut disampaikan oleh Ahli Majlis, Majlis Daerah Kampar dengan mematuhi garis panduan panduan dan operasi standard yang ditetapkan. Diharap agar program sumbangan ini dapat meringankan beban dan menceriakan hari penerima sumbangan yang terlibat.



SK DE LA SALLE, SJK(T) KAMPAR, SJK(C) CHUNG HUA DAN SK KAMPAR | 19 MAC 2021



SK GOPENG JALAN ILMU, SJK (T) GOPENG, DAN SJK (C) LAWAN KUDA BARU | 22 MAC 2021



SK MALIM NAWAR, SK TUALANG SERAH, SJK (T) METHODIST, DAN SJK (C) YIN SING | 23 MAC 2021





# EXECUTIVE TALK 2021

Executive Talk dan Perutusan Tahun Baru 2021 bersama Penjawat Awam buat pertama kalinya oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani Mohamad pada 1 Februari 2021 jam 10.30 pagi telah diikuti oleh Yang Dipertua, Setiausaha dan semua Ketua Jabatan secara sidang video di Bilik Mesyuarat Cassia Biflora dengan mengekalkan penjarakkan fizikal dan pemakaian pelitup muka.

**EXECUTIVE TALK & PERUTUSAN TAHUN 2021**

**1 FEBRUARI 2021 (ISNIN)**  
10.30 PAGI

LAYARI FACEBOOK PAGE  
SAARANI MOHAMAD  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

## PROGRAM MENANDATANGANI AKUJANJI PENJAJA

Pada 9 April 2021 bertempat di Auditorium MDKpr satu Program Menandatangani Surat Aku Janji telah dilangsungkan. Akujanji ini adalah rentetan berkenaan penyusunan penjaja-penjaja di sekitar laluan masuk Taman Sejahtera Kampar yang akan disusun semula di hadapan rumah kedai Jalan Jaya 3, kesemua penjaja ini ditempatkan ke Jalan Jaya 3 bagi mengatasi masalah kesesakan yang sering Pihak Majlis mendapat aduan daripada orang awam seterusnya penjaja-penjaja ini akan dilesenkan secara rasmi sebagai penjaja statik. Program ini dirasmikan oleh Puan Setiausaha Majlis Daerah Kampar, Siti Azura binti Haji Juki dan jemputan oleh Ahli Majlis Daerah Kampar En. Amir Shapudin bin Samion seterusnya para penjaja yang dijemput untuk mendatangi surat akujanji tersebut.



# **PENYERAHAN APRON & BEG2BEKAS**

Pada 20 April dan 21 April 2021, Majlis Daerah Kampar telah mengadakan Program Penyerahan Apron kepada semua peniaga di bazar Ramadan. Program ini adalah satu satu usaha jabatan untuk memastikan setiap peniaga bazar mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di mana pemakaian apron adalah salah satu syarat wajib yang perlu dipatuhi oleh setiap peniaga makanan. Selain itu, Kempen Beg2Bekas turut dijalankan serentak di mana ianya adalah kempen mendidik pengunjung untuk bertukar dari penggunaan beg palstik kepada membawa bekas makanan seperti mangkuk tingkat ke Bazar Ramadan. Kempen ini juga dilihat dapat membantu mengurangkan penggunaan beg plastik dan polisterin bagi mengisi makanan yang secara tidak langsung membantu pemeliharaan kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

Program telah dihadiri oleh Ahli Majlis MDKpr melibatkan 4 lokasi Bazar Ramadan yang telah dijalankan sepanjang bulan Ramadan tahun ini. Peniaga Bazar Ramadan telah diedarkan apron, topi dan risalah berkaitan keselamatan makanan dan pemberian mangkuk tingkat diberikan kepada pengunjung terawal hadir ke Bazar Ramadan.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR

# OPERASI PEMILIKAN STRUKTUR BILLBOARD

Pada 24 Mac 2021 dan 31 Mac 2021 pihak MDKpr telah mengadakan operasi penyerahan notis kepada pemilik struktur billboard dan iklan yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan. Sejumlah 40 notis iklan visual dan 43 notis struktur telah ditampal pada papan iklan terbabit di sepanjang Lebuhraya PLUS dalam Daerah Kampar. Semua pemilik struktur dan iklan diberi notis 30 hari untuk menurunkan struktur billboard dan iklan. Kegagalan mematuhi notis tersebut akan menyebabkan tindakan penguatkuasaan selanjutnya akan diambil.



# SESI PENDENGARAN DERAH RTD 2030

Sesi Pendengaran & Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran Derah Rancangan Tempatan (RTD) Kampar 2030 (Pengubahan 4) telah diadakan 11 Mac 2021 di Hotel Grand Kampar. Sesi Pendengaran ini dilakukan selaras dengan ketetapan Sub seksyen 13(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) untuk memberi peluang kepada orang awam memahami, memberi pandangan dan membuat rayuan bantahan terhadap perkara-perkara yang terkandung di dalam Derah RTD tersebut. Daripada 9734 borang bantahan yang diterima, seramai 74 orang pembantah telah hadir di dalam sesi tersebut yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan iaitu YB Dato' Nolee Ashilin bin Dato' Mohammed Radzi. Ahli panel yang hadir adalah daripada Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar, Pengarah Perancangan Bandar dan Desa, wakil Pejabat Tanah dan Daerah Kampar, wakil Pejabat Perhutanan Negeri Perak dan wakil Jabatan Kerja Raya. Seramai 13 orang pembantah telah menjadi wakil bagi menyampaikan bantahan orang awam kepada jawatankuasa mesyuarat. Kesemua 13 orang wakil pembantah mengemukakan bantahan berkenaan tapak pengubahan di BPK 3.1 – Kampar iaitu pengubahan zon guna tanah dari zoning hutan kepada zon komersial (perkuburan swasta) manakala 3 daripada mereka turut mengemukakan bantahan bagi tapak pengubahan di BPK 2.4, BPK 3.4 dan BPK 3.11.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR

# Sumbangan Goodies Bag

Program Penyampaian Sumbangan Goodies Bag oleh YB Dato' Nolee Ashilin Mohammed Radzi, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan. Program tersebut telah diadakan pada 23 April 2021 bertempat di Auditorium MDKpr. Sumbangan telah diserahkan kepada semua warga kerja MDKpr sempena Ramadan dan Aidilfitri selain bagi menghargai khidmat bakti warga kerja Majlis dalam memberikan khidmat kepada rakyat Daerah Kampar sepanjang tempoh mendepani cabaran pandemik Covid 19. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak YB Dato' Nolee atas sumbangan yang telah diberikan.







# Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Terpuji 2020

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Perkhidmatan Terpuji bagi tahun 2021 telah diraikan pada 7 April 2021 dalam suasana yang meriah dengan tema warna Hitam dan Merah. Seramai 20 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 49 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji telah terpilih di kalangan kakitangan pelbagai gred dan skim perkhidmatan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima.

Majlis juga turut meraikan kakitangan yang telah memberikan sumbangan dalam penyertaan mahupun pencapaian dalam pelbagai pertandingan di peringkat negeri dan kebangsaan. Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua jawatankuasa yang terlibat. Ribuan terima kasih diucapkan kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program tersebut.





# PELANTIKAN AHLI MAJLIS 2021/2023

Sesi Menandatangani Surat Penerimaan Jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Kampar bagi tempoh 1 Mei 2021 sehingga 30 April 2023 telah diadakan pada 17 Jun 2021 (Khamis) jam 3.00 petang bertempat di Bilik Cassia Biflora, MDKpr. Seramai 25 orang Ahli Majlis yang telah menandatangani surat penerimaan jawatan terdiri daripada Yang Dipertua MDKpr, Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP, 14 orang daripada Barisan Nasional, 6 orang daripada Parti PPBM dan 4 orang daripada parti PAS secara berperingkat dan mengikut SOP yang telah ditetapkan. Sesi ini juga telah dihadiri oleh tetamu kehormat, YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohamed Radzi, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan 260816 dan Pelancongan Negeri Perak secara sidang video.

Sesi ini juga telah dihadiri oleh tetamu kehormat, YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohamed Radzi, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan 260816 dan Pelancongan Negeri Perak secara sidang video.



# **PERTANDINGAN INOVASI (MALA)**

Pihak Majlis telah menyertai Pertandingan Inovasi Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) bagi Piala Inovasi YB Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tahun 2020. Bagi memantapkan lagi dokumentasi projek yang disertai, satu sesi perkongsian ilmu dan khidmat nasihat secara sidang video telah diadakan bersama YBhg Dr. Nor Hashimah binti Abu Bakar, Ketua Unit Pengurusan Akademik, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh telah dijalankan di Bilik Mesyuarat Hibiscus pada 19hb. April 2021. Diharap agar sesi ini dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh ahli-ahli kumpulan inovasi bagi persediaan ke peringkat yang seterusnya.



Sekitar perbincangan bagi penyediaan penambahbaikan dokumentasi Pertandingan Inovasi MALA Piala YB Menteri KPKT Tahun 2020 bersama pengurusan tertinggi, urusetia dan ahli kumpulan Mind Power. Kerja-kerja di lapangan juga turut dijalankan oleh Ahli Kumpulan.



Sekitar perbincangan dan penyediaan dokumentasi penyertaan Pertandingan Inovasi Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) bagi Piala Inovasi YB Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tahun 2020 yang diadakan pada 03 sehingga 06 Mei 2021 di Bilik Mesyuarat Hibiscus, MDKpr.





## **KEJAYAAN PIALA INOVASI**

Pada 12 Jun 2021 pada jam 2.20 petang melalui siaran langsung bagi Pertandingan Piala Inovasi YB Menteri KPKT Anjuran Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) Majlis Daerah Kampar telah memenangi tempat Ke-2 bagi Kategori Majlis Daerah dan No.16 bagi keseluruhan daripada 52 kumpulan yang menyertai di kalangan PBT Malaysia dalam Pertandingan Inovasi Piala YB Menteri KPKT. Pengumuman tersebut disampaikan oleh YB. Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin selaku Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan secara maya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Kumpulan Mind Power yang membawa projek CAR PRO LINE (Penyediaan Garisan Tempat Letak Kereta) sehingga ke peringkat akhir pertandingan ini. Semoga melalui penglibatan dalam penyertaan inovasi seperti ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat khususnya dan Negeri Perak umumnya.



## **Perkongsian kejayaan WEBINAR Majlis Daerah Kampar**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah dijemput pada 23 Jun 2021 sebagai panel dan tetamu jemputan dalam Webinar Perkongsian Kejayaan Pelaksanaan Program Kualiti di Majlis Daerah Kampar.

Taklimat perkongsian telah disampaikan oleh Pn. Khumaizah binti Aziz selaku Ketua Penyelaras bagi semua Program Kualiti di MDKpr. Bersama dalam program ini ialah Puan Rozzilla binti Mohamad Som, Pegawai Tadbir (Kejuruteraan) merangkap Ketua Kumpulan Mind Power yang turut berkongsi berkaitan produk inovasi Car Pro Line (Penyediaan Garisan Tempat Letak Kereta) yang dihasilkan sehingga mencapai kemenangan di Tempat ke -2 Kategori Majlis Daerah dan tempat ke-16 untuk keseluruhan dalam penyertaan Pertandingan Piala Inovasi YB Menteri KPKT anjuran Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) baru-baru ini. Hampir 124 orang pegawai daripada seluruh PBT Negeri Perak telah turut serta dalam penyertaan webinar yang julung kali dianjurkan oleh Majlis Daerah Kerian.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada mereka yang telah membawa pengiktirafan ini ke satu tahap yang membanggakan. Semoga melalui perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat khususnya dan Negeri Perak umumnya.



# PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR PROGRAM KUALITI



## ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU

Pada 20 April 2021 bertempat di Auditorium MDKpr telah berlangsung Majlis Penyerahan Anugerah Kejiranan Hijau (AKH2020) bagi Kebun Kejiranan Hijau.



**Pemenang Kategori : Komuniti Perumahan Kampung Dalam Bandar  
Nama Projek : Kebun Kejiranan HELWA RPT Batu Putih**

**Senarai Pemenang Anugerah Kejiranan Hijau 2020**

**KATEGORI KAMPUNG DALAM BANDAR**

- TEMPAT PERTAMA RMS.000.00**  
Komuniti Surau Kg. Tersusun Batu Putih, Kampar, Perak
- TEMPAT KEDUA RRM.000.00**  
En. Wong Chee Meng Desa Lawan Kuda, Gopeng, Perak
- TEMPAT KETIGA RRM.500.00**  
Happy Farm Taman Flora Heights, Pasir Gudang, Johor



**Tempat Kedua Kategori : Individu Perumahan Kampung Dalam Bandar  
Nama Projek : Kebun Kejiranan Desa Lawan Kuda  
Encik Wang Chee Meng**



# PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR PELANCONGAN



## *Penggambaran di Ilham Seni@Kampar*

Penggambaran Ketua Jabatan MDKpr Sempena Aidilfitri 2021 Di Ilham Seni@Kampar telah diadakan pada 10 Mei 2021. Lukisan mural yang menghiasi dinding bangunan lama di Ilham Seni @Kampar di bahagian belakang blok bangunan lama Jalan Gopeng Kampar, menjadi tarikan terbaharu pelancongan di Daerah ini. Ia dilaksana untuk menceria dan menghidupkan semula lorong-lorong belakang yang selama ini terbiar selain melestari dan menghidupkan kawasan Pekan Lama Kampar.





## **LAWATAN KERJA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**

Lawatan kerja penanda aras Majlis Daerah Batu Gajah ke Majlis Daerah Kampar pada 25 Mac 2021 ini bertujuan berkongsi ilmu mengenai kaedah penyelarasan Program Kualiti Inovasi dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah dilaksanakan oleh pihak MDKpr. Sesi perkongsian ilmu ini telah diketuai oleh Puan Khumaizah binti Aziz selaku Penolong Pegawai Tadbir yang mengurus setia program kualiti di MDKpr.



## **TAKLIMAT PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

Pada 12 April 2021 Seramai 98 orang pelajar perubatan Tahun 3, Fakulti Perubatan Universiti Kuala Lumpur, Royal College of Medical Perak telah mengadakan lawatan ke Majlis Daerah Kampar untuk mengikuti sesi Taklimat Pengurusan Sisa Pepejal dan Tapak Pelupusan Sampah yang dikendalikan oleh pihak Majlis. Lawatan merupakan salah satu acara tahunan pihak universiti dalam memberikan pendedahan kepada pelajarannya berkaitan pengurusan sisa pepejal dan tapak pelupusan sampah di Pihak Berkuasa Tempatan. Taklimat dan lawatan ke tapak pelupusan sampah telah disampaikan oleh En. Mohd Izham Bin Ahmad, Pegawai Tadbir (Jabatan Kesihatan Awam) dan PPKP Muhammad Mahathir.



## **KEMBARA BERBASIKAL DATO' HASSAN NAWAWI**

Pada 1 April 2021 pihak MDKpr berbesar hati dengan kehadiran Dato' Hassan Nawawi bin Abd Rahman yang diberi jolokan 'Wira Daratan' di Malaysia kerana telah mengelilingi dunia dengan kayuhan berbasikal selama setahun. Beliau pernah berkhidmat sebagai Datuk Bandar Ipoh yang ke-6 dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang sebelum beliau bersara. Diharapkan sesi perkongsian ini dapat menyuntik semangat kakitangan MDKpr dalam mengamalkan budaya hidup sihat. Beliau juga menitipkan nasihat dan pesanan dalam menjalani kehidupan seharian.



# PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR KURSUS



Nama Latihan : Kursus Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC)  
Anjuran : Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) MDKpr  
Tarikh : 11 Januari 2021  
Tempat : Bilik Seminar, Rumah Rehat Kampar

Bertempat di Rumah Rehat Kampar, Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) MDKpr telah mengadakan Kursus Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) melibatkan wakil-wakil anggota dari setiap jabatan pada 11 Januari 2021. Objektif kursus ini dijalankan adalah untuk mengetahui cara mengenalpasti bahaya kesihatan dan keselamatan pekerjaan di tempat kerja selain mampu mengembangkan dan mendokumentasikan HIRARC dalam pendekatan yang sistematik. Selain itu, kursus HIRARC yang diadakan juga adalah salah satu keperluan yang wajib dalam memenuhi kehendak yang digariskan dalam ISO 45001 : 2018 yang telah diperolehi oleh Majlis Daerah Kampar. Seramai hampir 36 orang peserta telah menghadiri kursus yang telah dijalankan ini.



Nama Latihan : Taklimat Pengurusan Risiko (ISO 45001:2018)  
Tarikh : 2 Mac 2021  
Tempat : Sidang video.

Pada 2 Mac 2021, bertempat di Bilik Mesyuarat Cassia Biflora, MDKpr telah berlangsung Taklimat Pengurusan Risiko (ISO 45001:2018) yang telah disampaikan secara atas talian oleh Cik.Syuhada Binti Ahmad Khirul Anuar dari SQC Management Sdn. Bhd. Taklimat tersebut telah disertai oleh 23 orang anggota Majlis yang terdiri dari wakil setiap jabatan. Objektif taklimat ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai prosedur dan proses pengurusan risiko sesuai dengan ISO 45001:2018. Selain itu, para peserta juga telah diberikan taklimat tentang konsep pengurusan risiko di organisasi dan tindakan penambahbaikan terhadap ISO yang sedia ada.





# PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA



## *Pengisian Program* Perhimpunan Anggota Bil. 1/2021 - 26 Mac 2021

- Ucapan Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar.
- Perhimpunan Bulanan Bil. 1/2021 telah berjaya diadakan buat pertama kalinya di luar Pejabat Kompleks Pentadbiran MDKpr dengan pematuhan SOP PKPP. Ribuan terima kasih kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung menjayakan perhimpunan kali ini.
- Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Anggota Bulan Januari hingga Mac 2021.



## *Pengisian Program* Perhimpunan Anggota Bil. 2/2021 - 28 April 2021

- Ucapan Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar.
- Taklimat Penerangan Program Taklimat Takaful Insuran Cuepacscare dan Cuepacs PA oleh Medicare Assistance Sdn. Bhd.
- Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Anggota Bulan April 2021.
- Semoga warga MDKpr mengambil pesanan dan amanat yg disampaikan oleh Tuan Yang Dipertua dengan sebaiknya untuk manfaat diri dan juga organisasi.



# PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LOCAL AGENDA 21



## Senarai Program LA 21 / Vektor Bagi Januari - Jun 2021

BIL	TARIKH	NAMA PRORAM
<b>JANUARI</b>		
1	3 Jan 2021	Program Kitar Semula Buddhist Tzu Chi di Bandar Baru
<b>MAC</b>		
2	15 Mac 2021	Program LA21@Ceria Kampar di Arena Square Gopeng
3	29 Mac 2021	Program LA21@Ceria Kampar di Kawasan Rekreasi Taman Kampar Jaya
<b>APRIL</b>		
4	12 April 2021	Program Lapangan Bagi Pelajar MBBS Tahun 3 Universiti Kuala Lumpur Sesi 2020 / 2021
5	12 April 2021	Program LA21@Ceria Kampar di Medan Selera Batu Karang
6	20 April 2021	Program Penyerahan Apron & Kempen Beg 2 Bekas di Bazar Ramadhan Kampar dan Malim Nawar
7	21 April 2021	Program Penyerahan Apron & Kempen Beg 2 Bekas di Bazar Ramadhan Gopeng dan Kuala Dipang
<b>JUN</b>		
8	10 Jun 2021	Taklimat Bagi Pelajar MBBS Tahun 3 Universiti Kuala Lumpur Sesi 2020 / 2021 – Aktiviti "Solid Waste Disposal"

Program LA21 @ Ceria Kampar di Taman Rekreasi Taman Kampar Jaya dan Medan Selera Cahaya telah diadakan pada 29 Mac 2021 melibatkan kehadiran Tuan Abdul Halim Saad, YDP Majlis Daerah Kampar, Puan Siti Azura Haji Juki, Setiausaha MDKpr dan Ahli-Ahli Majlis Daerah Kampar. Program bermula pada jam 8.00 pagi di mana aktiviti yang dijalankan adalah mengecat dan mengindahkan kawasan sekitar kawasan tersebut. Program ini merupakan salah satu aktiviti dalam Program Local Agenda 21 @ LA21 Majlis Daerah Kampar



# PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LOCAL AGENDA 21



Aktiviti pengindahan dan menceriakan sekitar kawasan Pekan Gopeng pada 15 Mac 2021 yang disertai oleh Tuan YDP, Ahli Majlis serta kakitangan Majlis Daerah Kampar.



Aktiviti pengindahan dan menceriakan persekitaran Medan Selera Batu Karang telah diadakan pada 12 April 2021 yang disertai oleh Tuan YDP, Puan Setiausaha, Ahli Majlis dan kakitangan Majlis Daerah Kampar.



# S.O.P LOCKDOWN

Majlis Daerah Kampar telah mengadakan Pemantauan Pematuan Sop Dan Tindakan Penguatkuasaan Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama 'Lockdown' di daerah Kampar pada 4 Jun 2021 dan 19 Jun 2021 bagi memastikan setiap komuniti mematuhi SOP ketika berada di tempat awam. Selain itu, tindakan penguatkuasaan juga dilaksanakan di tempat tumpuan ramai bagi memastikan kapasiti pelanggan mengikut syarat yang telah ditetapkan seperti : Pemeriksaan suhu, Memakai pelitup muka dengan betul, Menjaga jarak fizikal 1 meter daripada individu yang lain, Elakkan berada di kawasan yang sesak atau sempit, Elakkan bersentuhan dan idak membawa anak berumur 12 tahun ke bawah. Pemantauan bagi semakan lesen juga dilaksanakan bagi memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi dan peniaga-peniaga tersebut memiliki surat yang sah dari MITI untuk memulakan operasi perniagaan.



Ibu Pejabat Polis (IPD) Daerah Kampar dengan kerjasama Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dan Pejabat Kesihatan Daerah Kampar telah melaksanakan operasi bersepadu Pematuan Prosedur Operasi Standard (SOP) ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memantau orang ramai di sekitar Daerah Kampar mematuhi SOP pada 11 Februari 2021. Operasi tersebut diketuai oleh Ketua Polis Daerah Kampar, Superintendan Tuan Hasron Nazri Hashim, Setiausaha MDKpr Puan Siti Azura Haji Juki, Dr. Jeya, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Pejabat Kesihatan Daerah Kampar dan membabitkan anggota daripada ketiga-tiga jabatan. Sebanyak 2 buah premis telah diperiksa iaitu Kilang Hume Cement, Kota Bharu & Ladang Kim Poh Sitt Tat Feedmill Sdn Bhd, Malim Nawar di mana 2 kompaun telah dikeluarkan kepada premis perniagaan dan pekerja yang tidak mematuhi SOP seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).



# SANITASI AWAM



## PERTANDINGAN FANTASY FOOTBALL KELAB SUKAN MDKpr 2020/2021

Pertandingan Bola Sepak Fantasi (*Fantasy Football*) 2020/2021 ini merupakan anjuran Kelab Sukan MDKpr yang diadakan setiap tahun selama 8 bulan. Pertandingan bagi musim Liga Inggeris (EPL) 2020/2021 ini telah disertai 28 orang ahli kelab. Format pertandingan ini memerlukan peserta membuat tekanan dan menyusun pemain-pemain melalui web site dan mata dikumpulkan berdasarkan perlawanan sebenar di dalam Liga Perdana Inggeris (EPL). Peserta yang berjaya mengumpul mata terbanyak selama 38 perlawanan EPL akan dikira sebagai pemenang. Musim 2020/2021 ialah musim yang sangat mencabar kepada peserta kerana dunia dilanda pandemik Covid-19. Johan pertandingan pada musim ini ialah En. Mohd Faiz Bin Abdul Halim dari Jabatan Perancangan & Pembangunan telah menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM500. Naib Juara pula ialah En. Mohd Hizam Bin Razuan dari Bahagian Sumber Manusia menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM200 manakala tempat ketiga adalah En. Mohd Fadhlan Bin Latifi dari Jabatan Perkhidmatan Bandar menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM100.

Rank	Team & Manager	GW38	Total Points
1	EL MAESTRO faiz halim	59	2444
2	kepalakurufantasy Hizam Med	65	2347
3	Langgofc golon latifi	52	2300
4	EasyGame Muha Hafiz	45	2252
5	dEBookK reduan yhwaa	50	2284
6	Paya FC sazat mustaffa	62	2246
7	Agogo Fc MUKHAMMAD ZULHELM	60	2242
8	AlexisFc Muha Adhar	44	2115
9	TakPernahMenangFc AZIL LRZA	49	2080
10	Lola Fc mohd ishakim	45	2078



## PERTANDINGAN KAROM TERTUTUP

Pertandingan karom tertutup merupakan acara pembuka tirai bagi tahun 2021 Kelab Sukan MDKpr. Acara ini telah berlangsung pada 4 April 2021 yang lalu bertempat di Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar. Sukan Dalaman ini menjadi tumpuan apabila dapat dilihat penyertaan beberapa pemain pengalaman MDKpr melawan beberapa orang pemain baharu atau dikenali sebagai "underdog". Pelbagai teknik dan taktikal telah dipamerkan oleh para pemain sepanjang pertandingan ini berlangsung. Dua kategori yang dipertandingkan dalam acara karom ini iaitu Kategori Individu Lelaki dan Individu Wanita. Berikut merupakan senarai pemenang bagi setiap kategori:

Individu Lelaki: (Juara) Ashhar Amin, (Naib Juara) Mohd Redzuan Roslan, (Ketiga) Roshidi Salleh  
 Individu Wanita: (Juara) Fazlina MD Yahya, (Naib Juara) Masrizza Lazarous, (Ketiga) Nor Alia Aina





# PROGRAM BUBUR LAMBUK *Ramadhan 1442H*

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) melalui Unit Perhubungan Korporat dan Hal Ehwal Komuniti dengan kerjasama Ahli Majlis MDKpr, BAKEB MDKpr dan Kelab Sukan MDKpr telah mengadakan Program Memasak dan Penyerahan Bubur Lambuk sempena Ramadhan 1442H yang berlangsung pada 28 April 2021 (Rabu) bertempat di Perkarangan Tempat Letak Kereta Anggota MDKpr. Program ini bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan memupuk nilai kerjasama di antara warga MDKpr bersama Ahli-Ahli Majlis. Program ini juga merupakan sumbangan wang tunai daripada warga kerja MDKpr secara sukarela.



Program ini bermula pada jam 8.30 pagi dan dimulai dengan proses menyediakan bahan masakan sehingga selesai. Sebanyak 702 bekas bubur lambuk yang telah siap dimasak diagihkan kepada Ahli-Ahli Majlis, warga MDKpr dan jabatan sekitar Daerah Kampar. Gimik agihan telah disempurnakan oleh Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP, Yang Dipertua, MDKpr dan edaran secara percuma juga telah diberi kepada pengunjung yang hadir ke Bazar Ramadhan Kampar oleh Ahli-Ahli Majlis MDKpr.

# Majlis Khatam Al-Quran

Majlis Daerah Kampar melalui Unit Perhubungan Korporat dan Hal Ehwal Komuniti dengan kerjasama Badan Kebajikan telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Bulan Ramadhan 1442H Peringkat MDKpr pada 10 Mei 2021 (Isnin) bertempat di Auditorium MDKpr. Program Tadarus Al-Quran MDKpr 2021 ini merupakan aktiviti tahunan yang dijalankan semasa bulan Ramadhan bagi membina dan mengukuhkan aspek penghayatan Islam di kalangan warga Majlis.

Program ini telah dijalankan mulai 12 April 2021 bersamaan 1 Ramadhan 1442H secara bersemuka dua kali seminggu pada hari Rabu dan Jumaat mulai jam 8.30 pagi dan selainnya dijalankan secara dalam talian yang disertai seramai 21 orang peserta wanita dan 7 orang peserta lelaki. Sepanjang tempoh pelaksanaan program, semua peserta telah berjaya khatam Al-Quran sebanyak dua kali. Program Khatam Al-Quran ini telah dibimbing oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Azali bin Hasan, Pembantu Hal Ehwal Islam daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Daerah Kampar dan program ini telah dirasmikan oleh Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP, Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar.






# ... LOGO INISIATIF KEJIRANAN HIJAU ...

## Majlis Daerah Kampar

### SIMBOLIK KEPADA WARNA

- BERINGAT
- BERSATU
- PEKA / KETUA
- SUBUR
- BIJAK
- SEMANGAT
- BERSIH



### VISUAL LOGO



**BOTOL MINERAL**



**TIN SUSU**



**(SPROCKET) GEGANCU BASIKAL**

## Inisiatif MDK<sub>pr</sub>7

### KEJIRANAN HIJAU



#### LOGO - INISIATIF KEJIRANAN HIJAU MDK<sub>pr</sub>

Cetusan idea yang diekstrak dengan menggunakan teknik "Gesture Drawing" daripada gabungan sebatang pokok beserta barangan yang biasa dibuang dan dikitar semula. Ditambah dengan kesinambungan warna-warna korporat telah berjaya mencipta SEBUAH LOGO yang mempamerkan KEMATANGAN dan sifat KETERBUKAAN MDK<sub>pr</sub>.

#### SIMBOLIK KEPADA POKOK

Sebatang pokok - Menghijau (Tanda kehidupan sesuatu tempat) teguh, kukuh berdiri dengan akar-akar yang memagak bumi. Melindungi bagai sebuah payung yang memberi perlindungan kepada kehidupan. Bermula dari proses tumbesaran, berokagen, berdaun, berbunga, berbuah kembali ke sebatang kayu yang mereput dan menjadi baja.

Berifat Kekeluargaan - Batang pokok ibarat KETUA yang berdiri teguh dan akar-akar yang pelbagai saiz memagak ke bumi ibarat kumpulan KARITANGAN yang bekerjasama menyokong batang pokok untuk berdiri teguh.

#### KENAPA POKOK MENJADI ILHAM LOGO KITAR SEMULA ?

Watak POKOK itu sendiri berlatar kitar semula bermula proses tumbesaran sehingga ia mati. Konsep inilah yang diserapkan ke dalam LOGO KITAR SEMULA MDK<sub>pr</sub>. Barangan yang terpakai dikitar akan menjadi berguna dan memberi manfaat kepada kehidupan.


WARNA-WARNA KORPORAT MDK<sub>pr</sub> digarap dan diadun bersama-sama LOGO KITAR SEMULA MDK<sub>pr</sub> serta dimantapkan lagi dengan terjemahan / simbolik bagi setiap warna.



3 akar besar berbentuk kaki  
Perpaduan yang kukuh hingga ke akar umbi. Tetap berdiri teguh walau digoncang. Sekiranya hanya ada 1 atau 2 kaki, ianya pasti lebih mudah bergoncang.

Kaki pelbagai arah  
Sentiasa bergerak menyahut wawasan.

Tapak berwarna UNGU  
Terhasil daripada campuran warna Biru dan Merah melambangkan gabungan idea yang mantap mampu menghasilkan sesuatu di luar kotak fikiran dan berjaya mencipta kejayaan yang luarbiasa. Kedudukan tapak di bawah membawa makna "Kejayaan bermula dari bawah" walau sudah berdiri teguh ia sentiasa berpijak di bumi nyata. (Sentiasa merendah diri)



**Lingkungan Bahaya Kesan Buruk Jika Tidak Dijaga atau Dihiraukan**  
**Kuning Masyarakat Peka**  
**Muafakat Jaga Kebersihan**

Majlis Daerah Kampar  
Kompleks Pentadbiran MDK<sub>pr</sub> Jalan Iskandar  
31900 Kampar, Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05-4671020 / Faks: 05-4671040